

11 OCT 2001

Yemen-Lawat

DEWAN SENAT YEMEN/M'SIA TANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Majlis Syura Yemen dan Dewan Negara Malaysia hari ini menandatangani perjanjian kerjasama yang akan menyaksikan pengukuhan hubungan politik dan ekonomi antara kedua-dua negara.

Presiden Majlis Syura Yemen Abdul Aziz Abdul Ghani menandatangani perjanjian itu dengan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Michael Chen di Bangunan Parlimen di sini.

"Kami (Yemen) amat berminat untuk membangunkan dan meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara...Kita mempunyai hubungan politik yang baik dan kami mahu terjemahkannya ke dalam hubungan ekonomi," kata Abdul Aziz kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian itu.

Abdul Aziz berkata hubungan tradisi yang erat antara Malaysia dan Yemen telah dipertingkatkan lagi baru-baru ini ekoran pertukaran lawatan oleh pemimpin kedua-dua negara.

Presiden Yemen Ali Abdullah Salleh melawat Malaysia beberapa tahun lepas manakala Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Yemen Ogos lepas.

"Kami ingin menyaksikan peningkatan dalam perdagangan dan pelaburan dan kami mengalu-alukan pelaburan Malaysia. Kami juga mengkagumi dasar mesra pelabur Malaysia," kata Abdul Aziz.

Beliau berkata Yemen menawarkan pelbagai peluang pelaburan dalam minyak dan gas, galian, perikanan, pelancongan, pertanian dan pembuatan.

Satu jawatankuasa setiakawan Malaysia-Yemen akan ditubuhkan bagi mengenal pasti dan menggalakkan kerjasama dalam pelbagai bidang dengan termeterainya perjanjian itu.

Ditanya akan pendirian negara itu mengenai keganasan ekoran serangan penganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept, Abdul Aziz berkata Yemen mengutuk semua bentuk keganasan dan menentang pembunuhan rakyat biasa yang tidak bersalah.

"Kami mahu lihat satu siasatan dijalankan untuk mengenal pasti dalang di belakang serangan di New York sebelum sebarang tindakan diambil terhadap mana-mana negara tertentu.

"Perlu ada bukti kukuh terlebih dahulu," katanya merujuk kepada serangan balas Amerika-British pada minggu ini ke atas Afghanistan dalam usaha memburu penganas yang didakwa oleh Amerika Syarikat bertanggungjawab bagi serangan 11 Sept itu.

Abdul Aziz, yang diiringi sembilan anggota Majlis Syura Yemen, sedang dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia sehingga Ahad.

-- BERNAMA

SHS RYN RHM